



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
**BELIA MALAYSIA,
YAKIN BOLEH**



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"BELIA MALAYSIA, YAKIN BOLEH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِلَّهِ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُ مِنَ الْمُشْرِكِينَ¹	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.	5
Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "BELIA MALAYSIA, YAKIN BOLEH!".	6

¹ An-Nahl: 120.



Al-Quran telah merakamkan satu contoh keimanan dan keyakinan luar biasa yang ditunjukkan oleh seorang belia, iaitu Nabi Ibrahim Alaihissalam. Walaupun berseorangan, Baginda tampil berani mempertahankan akidah tauhid di tengah-tengah masyarakat yang tenggelam dalam kekufuran, termasuk ahli keluarganya sendiri. Baginda kekal teguh dengan prinsip dan keimanan yang tidak berbelah bahagi kepada Allah SWT.	7
Firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl ayat 120 sepertimana yang telah dibacakan pada mukadimah khutbah, maksudnya: <i>"Sesungguhnya Nabi Ibrahim adalah merupakan "satu umat" (walaupun dia seorang diri); dia taat bulat-bulat kepada Allah, lagi berdiri teguh di atas dasar tauhid; dan dia tidak pernah menjadi dari orang-orang yang musyrik."</i>	8
Al-Quran juga mengangkat kisah sekumpulan anak muda yakni <i>Ashabul Kahfi</i> yang menunjukkan keyakinan dan keberanian luar biasa dalam mempertahankan akidah mereka. Firman Allah SWT dalam Surah al-Kahfi, ayat 13: نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى	9
<i>"Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk."</i>	10



Kisah-kisah ini bukan sekadar untuk dibaca, tetapi untuk diambil iktibar betapa anak-anak muda ini sanggup meninggalkan 'zon selesa' mereka demi mempertahankan keimanan mereka kepada Allah SWT, tidak takut kepada tekanan masyarakat serta tidak tunduk kepada kesyirikan.	11
Pada hari ini, belia Muslim perlu bangkit dengan semangat yang sama, keluar daripada kepompong pasif dan menjadi pencetus perubahan yang bukan hanya aktif di media sosial tetapi juga aktif dalam menyebarkan dakwah dan nilai-nilai kebaikan di lapangan. Kita harus berani menegakkan kebenaran di tengah gelombang hedonisme iaitu cara hidup yang hanya mementingkan keseronokan, hiburan dan kepuasan nafsu semata-mata. Kita juga perlu bersuara dengan akal yang tajam dan hati yang terpandu dengan kefahaman agama yang sahih, bukan terikut-ikut budaya yang mengaburkan nilai agama dan meleburkan jati diri kita.	12
Menerusi data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2024, direkodkan sebanyak 27.9% daripada populasi di Malaysia adalah dalam kalangan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun. Angka ini bukan sekadar statistik tetapi ia menggambarkan potensi besar yang dimiliki oleh anak muda sebagai pemangkin masa depan negara.	13



Kita tidak boleh menafikan bahawa belia adalah pewaris kepemimpinan, penentu arah bangsa dan cerminan wajah Malaysia yang akan datang. Justeru, para belia mesti bangkit menjadi generasi yang berilmu, berdaya saing dan berintegriti.	14
Sebagaimana dunia hari ini juga menuntut mereka untuk sentiasa bersedia dan tangkas menguasai ilmu serta kemahiran baharu, terutamanya dalam bidang teknologi dan Kecerdasan Buatan (AI). Jika teknologi disalah guna, ia boleh membawa kerosakan. Namun jika dimanfaatkan dengan bijak, ia boleh menjadi alat penting untuk menyebarkan dakwah, menegaskan nilai kemanusiaan dan memperkukuh perpaduan dengan menjadikan Islam sebagai panduan utama dalam setiap tindakan dan keputusan.	15
Hakikatnya, masa depan negara sangat bergantung kepada sejauh mana belia hari ini memahami peranan mereka sebagai pewaris dan khalifah di muka bumi. Mimbar juga ingin mengingatkan kepada para belia sekalian agar jangan menjadi penumpang dalam arus perubahan, tetapi jadilah nakhoda yang mengemudi hala tuju umat dan bangsa di negara ini.	16



Sejarah kegemilangan tamadun Islam membuktikan bahawa kekuatan iman dan keyakinan kepada Allah SWT serta Rasul-Nya telah melahirkan tokoh seperti 27 tahun dan kemudian menjadi pemimpin agung yang adil dan digeruni. Usamah bin Zaid Radiallahuanhu dilantik sebagai panglima perang oleh Nabi SAW pada usia 18 tahun, menunjukkan satu pengiktirafan luar biasa terhadap kebolehan anak muda yang memiliki keberanian dan kepimpinan. Begitu juga Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, antara sahabat terawal memeluk Islam, dan banyak meriwayatkan tafsir Al-Quran serta ramai lagi para sahabat yang lain.	17
Mereka ini bukan sekadar penyokong di belakang tabir, bahkan diangkat sebagai saf hadapan dalam mempertahankan dan menyebarkan agama Islam. Ketokohan mereka membuktikan bahawa usia muda bukan penghalang untuk menyumbang secara besar dalam misi dakwah. Bahkan, Sultan Muhammad al-Fateh, yang menakluk Kota Konstantinopel pada usia 20-an, menjadi bukti bahawa iman yang kukuh dan visi yang jauh mampu merobohkan tembok sejarah yang dianggap mustahil.	18
Justeru, belia pada hari ini perlu diberikan ruang dan peluang untuk memimpin, mencuba dan menggarap pengalaman yang akan mematangkan mereka. Jangan ada dalam kalangan kita yang hanya tahu memandang rendah, mempertikai atau menjatuhkan usaha mereka. Sebaliknya, gilaplah potensi mereka dengan bimbingan kerana masyarakat yang membina adalah masyarakat yang melahirkan pemimpin, bukan yang membunuh harapan.	19



Generasi muda adalah harapan umat dan masa depan negara. Oleh itu, membentuk belia yang berdaya saing dan berjiwa Rabbani mestilah berpaksikan petunjuk wahyu dan teladan para anbiya.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Qasas ayat 26:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ
الْقَوِيَّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

20

*"Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata:
"Wahai ayah, ambilah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing
kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah
orang yang kuat, lagi amanah".*

21

Sebahagian ulama tafsir berpandangan ayat di atas adalah kisah perbualan
diantara Nabi Syuaib Alaihissalam dan salah seorang anak perempuannya untuk
melantik Nabi Musa Alaihissalam sebagai pembantu mereka, kerana memiliki dua
sifat penting yang sangat diperlukan oleh seorang pemimpin dan belia Muslim masa
kini, iaitu *al-Qawiy* (kuat) dan *al-Amin* (amanah). *Al-Qawiy* merujuk kepada kekuatan
dan kecekapan yang bukan sekadar gagah fizikal, tetapi kuat jati diri, tegas
berprinsip, kukuh pegangan akidah dan cekap dalam ilmu dan kemahiran.

22



Manakala al-Amin pula merujuk kepada simbol kepercayaan dan integriti kerana belia yang amanah ialah mereka yang mengotakan janji serta bertanggungjawab terhadap agama, diri, keluarga, masyarakat dan negara. Begitulah, tatakelola dalam Islam menuntut keseimbangan antara kekuatan (al-Qawiy) dan kejujuran atau amanah (al-Amin) dalam melaksanakan tanggungjawab kepimpinan. Seorang pemimpin dalam Islam tidak hanya perlu memiliki kecekapan dan ketegasan dalam membuat keputusan, tetapi juga mesti dipercayai, jujur serta mampu menunaikan amanah dengan penuh integriti. Kedua-dua sifat ini merupakan asas penting dalam melaksanakan urus tadbir yang adil, telus dan bertanggungjawab kerana tanpa kekuatan, kepimpinan menjadi lemah. Tanpa amanah, kekuasaan menjadi zalim.

23

Belia adalah amanah ummah dan aset strategik negara yang bukan sahaja untuk masa depan, tetapi untuk digerakkan hari ini. Maka, mereka mesti disantuni dengan hikmah sesuai dengan perkembangan zaman. Dalam kerangka pembangunan negara, pendekatan Pembangunan Belia Positif yang dilaksanakan oleh pihak berwajib seperti Kementerian Belia dan Sukan merupakan satu usaha membina belia secara menyeluruh dan seimbang. Pembangunan ini menerapkan nilai-nilai utama yang membentuk jati diri belia unggul. Pertama, belia hendaklah mempunyai nilai penyayang iaitu bersifat empati dan kasih terhadap orang lain. Kedua, cekap iaitu hendaklah berkemahiran dan pantas bertindak. Ketiga, belia hendaklah mempunyai nilai perwatakan iaitu mempunyai akhlak mulia dan sahsiah terpuji.

24



Selain itu, belia hendaklah mempunyai keyakinan iaitu yakin kepada diri dan tetap pendirian. Seterusnya kerjasama iaitu mampu bekerja dalam pasukan, bertimbang rasa iaitu adil dan memahami, kompetitif iaitu sentiasa berlumba-lumba dalam kebaikan dan sumbangan iaitu dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.	25
Nilai-nilai ini bukan sekadar teori di atas kertas, tetapi mesti dihayati dan dibentuk dalam diri setiap anak muda kita. Inilah asas kepada pembinaan generasi pemimpin yang bukan sahaja cemerlang di dunia, tetapi juga mudah-mudahan mendapat naungan Allah SWT di akhirat kelak.	26
Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: <i>"Terdapat tujuh golongan yang akan berada di bawah naungan Allah pada hari yang tiada naungan melainkan naungan-Nya. Iaitu seorang pemerintah yang adil, seorang pemuda yang membesar dalam ibadah kepada Tuhannya, seorang lelaki yang hatinya sentiasa terpaut dengan masjid, dua orang lelaki yang saling berkasih sayang kerana Allah lalu mereka bertemu dan berpisah kerana-Nya, seorang lelaki yang diajak oleh wanita bangsawan dan cantik untuk berzina namun dia menolaknya dengan berkata, "Sesungguhnya aku takut kepada Allah", seorang lelaki yang bersedekah secara sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kanannya, dan seorang lelaki yang mengingati Allah dalam keadaan sunyi lalu mengalir air matanya."</i> (Riwayat al-Bukhari).	27



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian kita iaitu:

1. Warga belia hendaklah membina jati diri Muslim yang kukuh dan tidak tunduk kepada arus hedonisme dan tekanan sosial yang semakin membarah.
2. Warga belia perlulah seimbang dan kompeten dalam bidang ilmu dan teknologi serta memiliki integriti, tanggungjawab dan kejujuran dalam melaksanakan amanah terhadap agama, masyarakat dan negara.
3. Masyarakat perlu memberikan ruang dan peluang kepada warga belia untuk memimpin dan menggarap pengalaman, bukan meruntuhkan semangat dengan kritikan yang tidak membina.

28

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَى
مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

29

"Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya."

(Surah Luqman: 17).

30



31	بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
32	أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُّجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اَللّٰهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
8	اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	9
اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَعَكُّوْا اَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	10
فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	11
Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.	15



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.	16
Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	17
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾	18
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾	19
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	20